

30 NOV 1999

P/Raya-Bukan Melayu

BUKAN MELAYU MUNCUL SEBAGAI PENENTU PADA PILIHAN RAYA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Keputusan pilihan raya umum 1999 menunjukkan Barisan Nasional (BN), yang memperolehi kemenangan besar, mendapat sokongan baru daripada kalangan bukan Melayu terutamanya pengundi Cina.

"Teori" ini, walaupun masih belum disahkan sehingga semua parti-parti berkenaan menjalankan kajian susulan mengenai pilihan raya ke-10 itu, telah diterima oleh kerajaan BN dan pakatan pembangkang yang menggelarkan diri mereka Barisan Alternatif yang terdiri daripada PAS, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal hari ini berkata para pengundi Cina menyokong calon-calon BN kerana menghargai langkah-langkah kerajaan mengatasi krisis kewangan dan ekonomi.

Presiden PRM Datuk Syed Hussin Ali pula berkata dengan BN mendapat sokongan baru dari kalangan bukan Melayu, ia juga hilang sokongan daripada pengundi Melayu.

"Hakikatnya ialah Barisan Nasional, terutamanya Umno, jelas hilang sokongan daripada kalangan pengundi Melayu walaupun nampaknya mendapat sokongan daripada bukan Melayu," katanya.

Syed Hussin, yang partinya tewas pada pilihan raya semalam, berkata walaupun kalah, PRM gembira dengan kerjasama baru antara pelbagai kaum di negara ini yang sebelum ini terhad kepada golongan elit sahaja.

BN menang 148 daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Wakil Rakyat baru BN bagi kerusi Parlimen Shah Alam, Datuk Mohamed Zin Mohamad, juga mengakui bahawa kemenangannya dibantu oleh pengundi bukan Melayu.

Beliau berkata pengundi India dan Cina yang memilih BN menyedari kebaikan yang dibawa oleh parti gabungan itu untuk negara.

Kebanyakan penganalisis percaya bahawa pengundi bukan Melayu menyokong BN kerana tidak ada pembangkang yang berwibawa, manakala DAP pula hilang sokongan pengundi Cina berikutan kerjasamanya dengan PAS.

"Majoriti pengundi Cina serta India, pengundi setia BN, memilih BN dan bukannya Umno, MCA atau MIC kali ini," kata pensyarah sains politik Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Dr P.Ramasamy.

Penganalisis berkata "kejutan besar" dalam pilihan raya kali ini ialah trend pengundian di kalangan bukan Melayu di kawasan majoriti Cina di Pulau Pinang.

Merka berkata dengan majoriti penduduk bandar Cina secara tardisinya menyokong DAP, kali ini mereka memilih untuk mengetepikan DAP, termasuk setiausaha agungnya Lim Kit Siang dan timbalan pengerusi Karpal Singh.

Seirang pensyarah Universiti Malaya, yang enggan namanya disebut, berkata sokongan kuat pengundi bukan Melayu kepada BN telah meningkatkan "kuasa tawar menawar" dalam kerajaan.

Satu lagi petunjuk yang jelas ialah faktor Sabah-Sarawak. Kedua-dua negeri yang bermajoriti bukan Melayu itu menyumbang 45 daripada 48 kerusi Parlimen kepada BN bagi memastikan kemenangan majoriti dua pertiga.

Penganalisis percaya bahawa perpecahan undi dalam masyarakat Melayu antara Umno dan PAS membawa kepada kekalahan banyak calon Umno.

Sambil mengakui perkara ini, naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata trend pemilihan orang Melayu yang berpihak kepada pembangkang merupakan satu isyarat kepada Umno supaya berusaha lebih gigih bagi memastikan kejayaan parti dan BN pada masa depan.

Najib harus mengetahui hal ini kerana beliau hampir tewas pada pilihan raya umum ini apabila memenangi kerusi Parlimen Pekan dengan penurunan ketara undi majoriti iaitu 241 berbanding lebih 10,000 undi pada pilihan raya lepas di kawasan itu, yang kebanyakannya penduduk Melayu.

-- BERNAMA

ES NAK